

Seorang lagi didakwa jadi ahli Geng Sakai

KUALA LUMPUR - Seorang lagi lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, menjadikannya sebagai individu ke-24 didakwa sebagai ahli kumpulan jenayah terancang Geng Sakai.

G Rajasekeran, 32, menganggu faham selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Nor Hasniah Ab Razak.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh kerana ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma) dan kes itu akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Mereka yang didakwa melakukan perbuatan itu di Flat Sri Selangor di sini antara Januari 2015 dan 20 Jun 2021, dituduh mengikut Seksyen 130V(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara antara lima hingga 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maryam Jamielah Ab Manaff dan B Thavani manakala peguam Fakhru Redha Paridul Adras mewakili tertuduh.

Semasa prosiding, Maryam Jamielah memohon agar kes ini dipindahkan dan dibicarakan bersama 23 tertuduh yang telah didakwa atas kesalahan sama di Mahkamah Tinggi.

Menurutnya, kes itu sedang dibicarakan dengan seramai 20 saksi pendakwaan telah dipanggil memberi keterangan.

Hakim Nor Hasniah kemudiannya membenarkan permohonan tersebut.

Pada 13 Julai lepas, Seramai 19 lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menganggotai kumpulan jenayah terancang dikenali sebagai Geng Sakai antara Januari 2015 dan Jun 2021.

FOTO BERNAMA



Seramai 22 individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Julai dan Ogos lalu, atas pertuduhan menganggotai kumpulan jenayah terancang dikenali sebagai Geng Sakai antara Januari 2015 dan Jun 2021.